

**KENYATAAN SEBUTHARGA NO.JTU. 18/2026  
JABATAN TANAH DAN UKUR SABAH**

Sebutharga adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal tempatan yang berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) dengan Kod 210104 yang berkenaan bagi sebutharga berikut:

**SEBUTHARGA NO: JTU. 18/2026  
“PENAMBAHBAIKAN E-LAND ENQUIRY SYSTEM (LES) 2026  
JABATAN TANAH DAN UKUR SABAH”**

1. Borang sebutharga, syarat-syarat dan spesifikasi akan dijual secara online melalui JTU e-Commerce di [www.jtu.sabah.gov.my](http://www.jtu.sabah.gov.my) mulai tarikh 03 Mac 2026 sehingga 09 Mac 2026 secara online sahaja. Borang sebutharga tidak akan dijual selepas tempoh dinyatakan.
2. Pembekal yang ingin menyertai sebutharga di atas adalah dikehendaki menyediakan RESIT cetakan **FPX/Sabah Pay** bernilai RM 20.00 sebagai bukti bayaran borang sebutharga.
3. Pembelian borang sebutharga secara online adalah hanya kepada pembekal. Untuk maksud ini, pihak pembekal hendaklah mendaftar ke sistem e-Commerce (sekali sahaja) serta memasukkan KOD Bidang Bekalan/Perkhidmatan PUKONSA dan Tarikh Tempoh Sah Sijil Pendaftaran PUKONSA di dalam sistem e-Commerce. Salinan Sijil Pendaftaran ASAL Pusat pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) hendaklah dimasukkan ke dalam sistem (format pdf).
4. Borang sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri (sealed envelope) dan ditulis pada ruangan di atas dengan butiran seperti berikut:-

**SEBUTHARGA NO: JTU. 18/2026  
“PENAMBAHBAIKAN E-LAND ENQUIRY SYSTEM (LES) 2026  
JABATAN TANAH DAN UKUR SABAH”**

dan dialamatkan kepada:

**SETIAUSAHA  
JAWATANKUASA SEBUTHARGA  
JABATAN TANAH DAN UKUR  
KOTA KINABALU**

1. Borang sebutharga hendaklah dihantar dan dimasukkan terus ke dalam peti sebutharga (Quotation Box) di Tingkat Bawah, Wisma Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu sebelum jam 10.00 pagi pada 10 Mac 2026.
2. Borang sebutharga yang lewat diterima pada waktu yang ditetapkan di atas akan ditolak.
3. Kerajaan tidak terikat dengan tawaran terendah atau mana-mana tawaran.

**PENGARAH  
JABATAN TANAH DAN UKUR  
WISMA TANAH DAN UKUR  
JALAN PERWIRA,  
88100 KOTA KINABALU**